

MAJLIS PENUTUP KEJOHANAN MINI OLIMPIK PANGKALAN UDARA SUBANG TAHUN 2019

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5113-majlis-penutup-kejohanan-mini-olimpik-pangkalan-udara-subang-tahun-2019

SUBANG, 20 Jun 19 - Kejohanan Mini Olimpik Pangkalan Udara Subang telah dilaksanakan bagi menggalakkan gaya hidup sihat di samping mencungkil bakat-bakat baru untuk mewakili Pangkalan ke pertandingan yang akan dianjurkan.

Kejohanan yang disertai oleh 12 pasukan gabungan ini terdiri daripada skuadron penerbangan, cawang bantuan serta unit-unit lojer di bawah pengurusan Pangkalan dan sebanyak 12 acara sukan telah dipertandingkan bermula pada 31 Jan hingga 20 Jun 19.

Majlis penutup kejohanan telah disempurnakan oleh Komander Pangkalan, Brig Jen Dato' Hj Muhammad Mudzamir Ong bin Abdullah TUDM dan No 22 Skuadron telah dinobatkan sebagai johan keseluruhan kejohanan dengan kutipan pingat tertinggi iaitu 18 emas, 13 perak serta 8 gangsa.







Selain itu, turut diadakan Majlis Serah Terima Tugas Pengurus Sukan Pangkalan di antara Lt Kol Yusrizal TUDM dengan Lt Kol Asroha TUDM.